

KATA-KATA PENDAHULUAN PERDANA MENTERI DI MESYUARAT KEDUA MAJLIS PENASIHAT PERPADUAN NEGARA DI DEWAN TUNKU ABDUL RAHMAN, KUALA LUMPUR PADA 28HB JULAI, 1971

Saudara-saudara sekalian,

Saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada saudara-saudara semua kerana dapat melapangkan masa untuk menghadiri mesyuarat Kedua Majlis Penasihat Perpaduan Negara pagi ini. Saya mengalu-alukan kehadiran Y.A.B. Dautk Haji Othman Saat¹ bersama kita di sini.

Untuk menjimatkan masa, biarlah saya mulakan dengan sedikit penjelasan mengenai agenda kita.

Pada umumnya agenda untuk hari ini adalah lebih kurang sama dengan agenda mesyuarat yang pertama, kecuali perkara (i) dan (v) iaitu "Laporan Rengkas Mesyuarat Pertama Majlis Penasihat Perpaduan Negara" dan "Lain-lain hal". Agenda (iii) dan (iv) adalah sambungan dari perbincangan-perbincangan dahulu, tetapi kali ini kenyataan dari Jabatan Perpaduan Negara ada mengandungi maklumat-maklumat tambahan seperti statistik untuk bidang-bidang tertentu dan lain lagi, sebagaimana yang dikehendaki. Kenyataan mengenai kegiatan-kegiatan Pejabat Muhibbah ditambah dengan laporan Jawatankuasa Adat Resam dan Pantang Larang.

Saya fikir tentulah saudara-saudara ingin membincangkan laporan-laporan dari kedua-dua jabatan ini dengan lebih mendalam lagi kerana dalam mesyuarat yang pertama dahulu masa adalah tersangat suntuk untuk berbuat demikian. Sebagaimana yang saya terangkan dahulu, maklumat-maklumat yang terkandung dalam laporan-laporan ini bukanlah ada perkara-perkara baharu kerana pada keseluruhannya apa yang disebutkan di situ ialah kegiatan-kegiatan yang sedang dijalankan oleh kedua-dua Jabatan itu.

¹ Y.A.B. Menteri Besar, Johor.

Walau bagaimanapun, saudara-saudara berhak membuat sebarang teguran yang membena kepada mana-mana hal yang berkaitan. Dalam pada itu pula jikalau saudara ada syor-syor baharu yang boleh dipraktikkan, silalah kemukakan supaya dapat kita timbangkan bersama di bawah agenda (v).

Di dalam hal ini jikalau saudara-saudara dapat menyediakan kertas-kertas kerja, maka itu adalah lebih baik kerana dengan cara begini semua ahli-ahli dapat menelitinya sebelum dibincangkan oleh Majlis.

Saya suka menyebutkan Jabatan Perpaduan Negara telah pun menerima satu Kertas Kerja dari Encik Matthew Abraham mengenai masalah Urban Housing.

Beraleh kepada perkara-perkara berbangkit, pada mesyuarat kita yang lalu, kita telah membincangkan peraturan-peraturan perlu untuk Majlis Perpaduan Negara dan telah bersetuju supaya nama Majlis ditukar menjadi Majlis Penasihat Perpaduan Negara. Dalam kertas yang dibentangkan pagi ini terdapat juga pindaan kepada peraturan-peraturan perlu. Dalam kertas ini pindaan telah pun dibuat terhadap nama Majlis ini.

Oleh kerana pada mesyuarat yang lalu terdapat beberapa salah sangka berkenaan dengan Majlis ini dan juga Jawatankuasa Muhibbah, jadi saya fikir baiklah perkara ini diputuskan dengan terus terang iaitu Majlis Penasihat Perpaduan Negara ini adalah hanya satu dan tidak bersangkut. Jika boleh saya gunakan perkataan Y.A.B. Datuk Asri, Majlis ini tidak beranak pinak.

Dalam peraturan itu juga kita dapati bahawa tugas-tugas Penal Penasihat Penyelidikan Perpaduan Negara telah dipinda. Tugas-tugas yang sekarang ini adalah lebih secukupnya dengan apa yang dimaksudkan. Kerja-kerja membuat kajian dan penyelidikan itu ialah tugas Jabatan Perpaduan Negara dan Penal Penasihat itu hanyalah di tugaskan memberi nasihat dan panduan sahaja.

Seorang ahli dalam mesyuarat yang lepas telah juga menyatakan perlunya communication antara rakyat jelata dengan Kerajaan, terutamanya mereka yang tinggal di kawasan-kawasan pendalaman. Hari Jumaat lepas, saya telah mengumumkan penubuhan

Biro Pengaduan Awam (Public Complaints Bureau), yang tugasnya ialah untuk menerima rungutan-rungutan dan rintihan-rintihan rakyat dan menyampaikan kepada pihak-pihak yang berkenaan. Saya harap jentera ini akan digunakan sepenuhnya oleh rakyat, dan kepada mereka yang menjadi wakil, saya berharap mereka akan memainkan peranannya demi kepentingan Negara.

Dengan ini, saya bukakan Majlis untuk perbincangan.